

Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 23, 111–122, 2008

**PERBEZAAN PERSONALITI EKSTROVERT DAN
INTROVERT DALAM KALANGAN PELAJAR PINTAR
CERDAS AKADEMIK (PCA) BERDASARKAN GENDER**

***(THE DIFFRENCES BETWEEN EXTROVERT AND
INTROVERT PERSONALITY AMONG ACADEMICALLY
TALENTED STUDENT BASED ON GENDER)***

**Mohd Zuri Ghani, Rahimi Che Aman, Nik Rosila Nik Yaacob
dan Aznan Che Ahmad**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
E-mel: mdzuri@usm.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengkaji personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik (PCA). Personaliti ekstrovert dan introvert telah dibahagikan kepada tiga trait iaitu trait aktiviti, trait bersosial dan trait mengambil risiko. Perbandingan personaliti berdasarkan jantina dibuat bagi melihat perbezaan jenis personaliti ini dalam kalangan pelajar PCA yang berlainan jantina. Sampel-sampel dipilih secara purposif di Sekolah Harian Biasa, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Sains Mara (MRSM). Seramai 177 sampel dipilih yang terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang yang memperolehi semua A dalam semua mata pelajaran yang diambil pada peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Instrumen *Eysenck Personaliti Questionnaires* (EPQ) telah digunakan bagi tujuan kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Kajian ini mendapati bahawa sukar untuk mengklasifikasikan sama ada PCA merupakan pelajar yang berpersonaliti ekstrovert atau sebaliknya. Hal ini berlaku kerana setiap pelajar adalah unik.

Kata kunci: pelajar pintar cerdas akademik, personaliti ekstrovert, personaliti introvert

Abstract: The aim of this study was to investigate the extrovert and introvert personality among academically talented students based on gender. The extrovert and introvert personality was divided into three types of trait: activity trait, social trait and risk trait. There are 117 samples who were enrolled through purposive sampling technique from daily school, boarding school (SBP) and MARA science secondary school (MRSM). Eysenk Personality Questionnaire (EPQ) was used to collect the data. Descriptive and inferential statistic were used to analysed the data. Result showed that no extrovert and introvert personality was found among the samples. This was due to the uniqueness of each samples.

Keyword: academically talented students, extrovert personality, introvert personality

PENGENALAN

Personaliti berasal dari perkataan Latin "*pesona*", yang membawa maksud topeng, pelindung muka atau juga mengeluarkan suara (*personare*). Maksud-maksud ini merujuk kepada penampilan luaran seseorang individu. Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Mischel (1999) menyatakan konsep personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran.

Kajian terhadap personaliti adalah penting kerana ramai dalam kalangan masyarakat kita yang beranggapan bahawa pelajar yang pintar adalah lebih baik kelakuannya daripada pelajar normal yang lain. Realiti sebenarnya tidaklah seperti yang dianggapkan itu. Hal ini kerana semua pelajar di dalam sesuatu bilik darjah mempunyai nilai baik yang sama. Kepercayaan bahawa pelajar pintar adalah lebih baik daripada pelajar yang lain boleh mendorong pelaksanaan amalan yang tidak adil atau amalan negatif bagi pelajar lain di dalam sesebuah bilik darjah. Kita biasa mendengar pelajar dikelaskan sebagai "baik" atau "tidak baik" berdasarkan kebolehan kognitif atau kebolehan akademik mereka. Sebenarnya kebolehan kognitif yang dipunyai oleh seseorang pelajar tidak semestinya membuat pelajar tersebut menjadi individu yang baik atau tidak baik. Setiap pelajar di dalam sesebuah bilik darjah mempunyai nilai yang sama sebagai insan ciptaan Tuhan. Dengan itu, setiap pelajar mempunyai hak yang sama untuk dihormati sebagai manusia dan menerima pengalaman pendidikan yang sewajarnya. Pelajar pintar adalah berbeza daripada pelajar yang lain, tetapi kebolehan mereka tidak membuat pelajar tersebut mempunyai potensi kebaikan yang lebih tinggi daripada pelajar yang lain. Mereka tidak sepatutnya diberi pujian dan layanan yang istimewa sehingga pelajar lain merasa diri mereka diketepikan. Para guru sepatutnya memberi bimbingan dan layanan yang demokratik. Dalam konteks kemuliaan diri insan, al-Quran menjelaskan prinsip berikut:

"Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwa " (Al-Hujuraat 49: 13)

PENYATAAN MASALAH

Banyak pendapat menyatakan bahawa pencapaian akademik seorang pelajar berkait dengan faktor kecerdasan mental pelajar, namun peranan faktor lain seperti faktor personaliti, faktor persekitaran, faktor psikologi dan sosiologi tidak boleh diketepikan. Beberapa kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli

psikologi menunjukkan bahawa faktor personaliti memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar (Orpen, 1976; Kay-Sandra 2001). Terman (1930), telah mengkaji perkembangan kanak-kanak pintar dan cerdas dengan menggunakan Ujian Kecerdasan Stanford-Binet (*Stanford-Binet Tests*) yang telah diubah suai. Kajian awal oleh Terman ini mendapati bahawa pelajar pintar dan cerdas lebih mudah mesra, lebih popular dan gemar bergaul dengan rakan sebaya. Sifat ini boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Fatanah, 1997). Kebolehan dan kecerdasan kognitif dalam kalangan pelajar pintar cerdas sering dikaitkan dengan personaliti ekstrovert iaitu suka bergaul, cepat mengeluarkan pendapat, mudah mesra, kreatif dan lebih bersikap terbuka (Che Mah & Mariani, 2001). Apa yang menjadi persoalan di sini ialah, adakah pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar pintar ini benar-benar mempunyai personaliti seperti yang dinyatakan itu? Menurut Nik Azis (1999), beliau mengatakan bahawa pada asasnya pelajar pintar cerdas juga adalah merupakan pelajar yang sama dengan pelajar-pelajar lain namun apa yang membezakan antara pelajar pintar cerdas dengan pelajar-pelajar normal yang lain adalah daya pemikiran mereka yang boleh membentuk helah bela diri dalam melindungi sifat negatif atau personaliti negatif yang ada dalam diri mereka.

Eysenck dan Cookson (1961) telah membuat kajian dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Staffordshire, dan mereka mendapati pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi adalah berpersonaliti ekstrovert. Pelajar sekolah rendah didapati lebih ekstrovert serta mampu memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang (Elliot, 1972; Anthony, 1977; dan Riding, 1979). Dalam kajian lain, Johnson (1997) juga mendapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara faktor personaliti dengan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, pendapat pengkaji-pengkaji ini telah disangkal oleh Dunn et al. (1989) dan Williams (1992), yang telah menunjukkan bahawa pelajar pintar cerdas terdiri daripada pelajar yang introvert, di mana mereka lebih cenderung belajar bersendirian daripada belajar berkumpulan. Cara dan gaya pembelajaran sebegini mempengaruhi pencapaian akademik.

Terdapat juga beberapa kajian lain yang mengaitkan aspek personaliti ekstrovert-introvert dengan jantina. Pelajar lelaki secara umumnya dilihat lebih agresif berbanding dengan pelajar perempuan. Kajian awal Eysenck (1965) ke atas kanak-kanak berumur 7–16 tahun menunjukkan bahawa kanak-kanak lelaki lebih ekstrovert daripada pelajar perempuan. Mehryer dan Hosseini (1973) telah membuat kajian terhadap 707 pelajar lelaki dan 171 pelajar perempuan di Iran dan mendapati bahawa pelajar ekstrovert yang memperoleh pencapaian cemerlang terdiri daripada pelajar lelaki. Meskipun

begitu, terdapat kajian yang menunjukkan dapatan yang berbeza. Sebagai contoh, kajian oleh Noran Fauziah (1988) menunjukkan perbezaan yang jelas di mana guru pelatih perempuan lebih ekstrovert berbanding dengan guru pelatih lelaki. Manakala hasil kajian Abdul Rahim (1991) terhadap murid-murid di sekolah rendah mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari aspek personaliti ekstrovert-introvert.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik (PCA). Perbandingan personaliti antara jantina juga akan memberi satu pendedahan baru dalam konteks ilmu pendidikan pintar cerdas di Malaysia. Perbandingan min yang dijelaskan melalui kajian ini juga akan membolehkan kita melihat jurang perbezaan personaliti antara pelajar berdasarkan jantina.

Persoalan kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA?
3. Adakah terdapat perbezaan personaliti ekstrovert-introvert yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA ?
4. Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti ekstrovert-introvert yang signifikan dalam kalangan pelajar PCA berdasarkan jantina?

Hipotesis kajian

H₀₁ : Tiada perbezaan min bagi tahap personaliti yang signifikan dalam kalangan pelajar PCA

H₀₂ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA.

- Ho3 : Tidak terdapat perbezaan min personality ekstrovert-introvert yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA.
- Ho4 : Tidak terdapat perbezaan min bagi trait-trait personaliti ekstrovert-introvert yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA.

METODOLOGI KAJIAN

Secara ringkasnya, kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data dikumpul berdasarkan soal selidik yang telah diubah suai berdasarkan *Eysenck Personality Questionnaires (EPQ)*. Persampelan pula dibuat secara bertujuan iaitu pengkaji telah memilih pelajar yang dikategorikan 15% teratas daripada populasi keseluruhan. Analisis statistik ujian-t dan korelasi digunakan bagi melihat perbezaan min dan tahap hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Pengujian Hipotesis Bagi Soalan Pertama Personaliti Ekstrovert-Introvert

Soalan 1 : Apakah tahap personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA?

Untuk menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah melihat nilai min dan sisihan piawai antara pelajar PCA yang memperolehi 8A dan 7A serta antara pelajar PCA lelaki dan pelajar PCA perempuan dengan menggunakan ujian-t. Hasil dapatan kajian dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1. Ujian-t bagi tahap personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA.

	Pelajar PCA	N	Min	Sisihan Piawai (SP)	DK	t	Sig.p
Ekstrovert	8A	106	2.774	0.333		-0.726	0.469
	7A	71	2.810	0.310	175		
	Lelaki	88	2.765	0.329			
	Perempuan	89	2.812	0.318		-0.957	0.340
Introvert	8A	106	2.810	0.310			
	7A	71	2.774	0.333		-0.726	0.469
	Lelaki	88	2.812	0.318			
	Perempuan	89	2.765	0.329		-0.957	0.340

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi tahap personaliti ekstrovert-introvert pelajar PCA yang memperolehi 8A (min = 2.774; SP = 0.333) berbanding dengan pelajar PCA yang memperolehi 7A (min = 2.810; SP = 0.310). Perbezaan minnya cuma sebanyak 0.0361. Walaupun perbezaan minnya kecil, namun ia telah menjelaskan bahawa pelajar PCA yang memperolehi 7A adalah lebih tinggi min ekstrovertnya berbanding dengan pelajar PCA yang memperolehi 8A. Selain itu, Jadual 1 juga telah menunjukkan bahawa pelajar PCA perempuan adalah lebih tinggi min ekstrovertnya (min = 2.812, SP = 0.318) berbanding dengan pelajar PCA lelaki (min = 2.765; SP = 0.329). Perbezaan minnya juga kecil (0.0466) namun ia tetap menjelaskan bahawa pelajar PCA perempuan adalah lebih tinggi min ekstrovertnya. Secara puratanya, dapat dilihat bahawa personaliti ekstrovert-introvert bagi pelajar lelaki PCA dan pelajar PCA perempuan adalah berada di tahap sederhana. Memandangkan aras kesignifikannya juga adalah melebihi aras keertian yang telah ditetapkan ($p > 0.05$) maka, hipotesis nul diterima bagi kajian ini.

Pengujian Hipotesis Bagi Soalan Kedua Personaliti Ekstrovert-Introvert

Soalan 2 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA?

Untuk menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah melihat hubungan antara trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dengan menggunakan analisis korelasi Pearson. Hasil dapatan dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Korelasi Pearson bagi trait-trait personaliti ekstrovert-introvert.

		Aktiviti	Bersosial	Mengambil risiko
Aktiviti	Korelasi Pearson	1	0.471**	0.203**
	Sig. (2-hujung)		0.000	0.007
	N	177	177	177
Bersosial	Korelasi Pearson	0.471**	1	0.151*
	Sig. (2-hujung)	0.000		0.045
	N	177	177	177
Mengambil risiko	Korelasi Pearson	0.203**	0.151*	1
	Sig. (2-hujung)	0.007	0.045	
	N	177	177	177

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-hujung).

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA. Keadaan ini dapat dilihat antara trait aktiviti yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan trait bersosial ($r = 0.471$) dan trait mengambil risiko ($r = 0.203$). Korelasi ini adalah signifikan pada aras 0.01. Selain itu, trait bersosial juga turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan trait mengambil risiko ($r = 0.151$) dan korelasi ini adalah signifikan pada aras 0.01, 2 hujung. Oleh yang demikian, hipotesis nul bagi soalan ini tidak boleh diterima pakai dan telah ditolak.

Pengujian Hipotesis bagi soalan ketiga personaliti ekstrovert-introvert

Soalan 3 : Adakah terdapat perbezaan personaliti ekstrovert-introvert yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA ?

Jadual 3 menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan skor min yang signifikan antara pelajar PCA lelaki dengan pelajar PCA perempuan. Nilai min bagi pelajar lelaki ialah, min = 2.765 dan sisihan piawai = 0.329 dengan darjah kebebasan (DK = 175, $t = -0.957$). Aras kesignifikanan juga adalah jauh lebih besar daripada aras yang telah ditetapkan iaitu $p = 0.340$. Oleh itu, pengkaji telah menerima pakai hipotesis nul. Dengan kata lain, hipotesis nul adalah benar dan diterima.

Jadual 3. Ujian-t bagi personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA.

	Pelajar PCA	N	Min	Sisihan Piawai (SP)	DK	t	Sig.p
Ekstrovert-Introvert	Lelaki	88	2.765	0.329	175	-0.957	0.340
	Perempuan	89	2.812	0.318			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Pengujian Hipotesis Bagi Soalan Keempat Personaliti Ekstrovert-Introvert

Soalan 4 : Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti ekstrovert introvert yang signifikan dalam kalangan pelajar PCA berdasarkan jantina?

Untuk menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah melihat nilai min dan sisihan piawai antara pelajar PCA lelaki dan pelajar PCA perempuan dengan kesemua trait personaliti ekstrovert-introvert. Ujian-t telah digunakan dan hasilnya dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua trait personaliti ekstrovert-introvert berdasarkan jantina pelajar PCA. Bagi trait mengambil risiko, pelajar PCA lelaki (min = 2.964, SP = 0.414) dan pelajar PCA perempuan (min = 2.962, SP = 0.385). Perbezaan min bagi trait ini adalah kecil iaitu sebanyak 0.0018. Bagi trait ini, pelajar PCA lelaki didapati lebih ekstrovert daripada pelajar perempuan PCA kerana nilai minnya lebih tinggi, iaitu nilai ($t = 0.031$, $p = 0.976$). Justeru trait mengambil risiko tidak berbeza secara signifikan antara pelajar PCA lelaki dan pelajar PCA perempuan.

Jadual 4. Ujian-t bagi trait-trait personaliti ekstrovert-introvert dalam kalangan pelajar PCA.

	Pelajar PCA	N	Min	Sisihan Piawai (SP)	DK	t	Sig.p
Mengambil risiko	Lelaki	88	2.964	0.414	175	0.031	0.976
	Perempuan	89	2.962	0.385			
Aktiviti	Lelaki	88	2.651	0.426	175	-1.067	0.288
	Perempuan	89	2.719	0.420			
Bersosial	Lelaki	88	2.716	0.466	175	-0.875	0.383
	Perempuan	89	2.783	0.553			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 5. Interpretasi tahap personaliti ekstrovert-introvert berdasarkan jantina.

Personaliti	Jantina	Trait 1 (Aktiviti)			Trait 2 (Bersosial)			Trait 3 (Mengambil Risiko)		
		Min	Interpretasi 1	Interpretasi 2	Min	Interpretasi 1	Interpretasi 2	Min	Interpretasi 1	Interpretasi 2
Ekstrovert	Lelaki	2.651	Sederhana	Pelajar perempuan lebih	2.715	Sederhana	Pelajar perempuan lebih	2.963	Sederhana	Pelajar lelaki lebih ekstrovert bagi trait 3
	Perempuan	2.719	Sederhana	ekstrovert bagi trait 1	2.783	Sederhana	ekstrovert bagi trait 2	2.961	Sederhana	
Introvert	Lelaki	2.719	Sederhana	Pelajar lelaki lebih	2.783	Sederhana	Pelajar lelaki lebih	2.961	Sederhana	Pelajar perempuan lebih introvert bagi trait 3
	Perempuan	2.651	Sederhana	introvert bagi trait 1	2.715	Sederhana	introvert bagi trait 2	2.963	Sederhana	
Rumusan	Lelaki	2.765	Secara puratanya tahap personaliti ekstrovert-introvert pelajar PCA adalah berada ditahap sederhana.							
	Perempuan	2.812								

Bagi trait aktiviti, perbezaan skor min bagi trait ini juga adalah kecil iaitu sebanyak 0.0679. Pelajar PCA lelaki (min = 2.651, SP = 0.426) adalah lebih introvert daripada pelajar PCA perempuan (min = 2.719, SP = 0.420) bagi trait ini. Oleh itu, bagi trait ini, pelajar PCA perempuan adalah ekstrovert kerana nilai minnya adalah lebih tinggi iaitu ($t = -1.067$, $P = 0.288$). Selain itu, bagi trait bersosial didapati pelajar PCA perempuan (min = 2.783, SP = 0.552) masih mendahului pelajar PCA lelaki (min = 2.715, SP = 0.465). Dengan itu, pelajar PCA perempuan juga lebih ekstrovert berbanding dengan pelajar PCA lelaki bagi trait ini. Oleh yang demikian, hipotesis nul bagi kajian ini didapati benar dan diterima.

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan mengkaji personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan PCA. Personaliti ekstrovert dan introvert telah dikaji berdasarkan tiga trait utama iaitu trait aktiviti, trait bersosial dan trait mengambil risiko. Di samping itu, perbandingan personaliti pelajar PCA turut dikaji berdasarkan aspek jantina pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi personaliti ekstrovert dan introvert bagi pelajar PCA. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Che Mah dan Mariani (2001), serta Eysenck dan Cookdon (1961) yang mendapati bahawa pelajar PCA sering dikaitkan dengan personaliti ekstrovert seperti suka bergaul, cepat mengeluarkan pendapat, mudah mesra, dan lebih bersikap terbuka. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan min personaliti ekstrovert dan introvert yang signifikan bagi pelajar PCA. Hal ini menunjukkan terdapat pelajar PCA yang berpersonaliti ekstrovert dan ada juga pelajar PCA yang introvert. Terdapat pelajar PCA yang berpersonaliti introvert selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Dunn, Dunn dan Perrin (1989) serta Williams (1992). Pelajar PCA yang berpersonaliti introvert lebih cenderung belajar bersendirian daripada belajar berkumpulan.

Kajian mendapati bahawa tiada perbezaan min yang signifikan bagi personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar PCA lelaki dengan pelajar PCA perempuan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Eysenck (1965), Mehryer dan Hosseini (1973) yang menunjukkan bahawa pelajar lelaki berpersonaliti ekstrovert berbanding pelajar perempuan. Namun kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan bagi personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar PCA lelaki dengan pelajar PCA perempuan. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahim (1991) yang mendapati

tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari aspek personaliti ekstrovert dan introvert.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tiada perbezaan min yang signifikan bagi trait-trait personaliti ekstrovert dan introvert yang terdiri daripada trait aktiviti, trait bersosial dan trait mengambil risiko dalam kalangan pelajar PCA lelaki dengan pelajar PCA perempuan. Hal ini menunjukkan terdapat persamaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam trait-trait personaliti ekstrovert introvert.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati sukar untuk mengklasifikasikan PCA merupakan pelajar yang berpersonaliti ekstrovert atau sebaliknya. Hal ini berlaku kerana setiap pelajar adalah unik. Terdapat pelajar PCA yang perlu belajar dalam bentuk berkumpulan dan sering mengadakan perbincangan dengan guru dan rakan sebaya. Namun dalam masa yang sama terdapat pelajar yang lebih gemar belajar bersendirian dan memerlukan guru tuisyen persendirian untuk memperoleh keputusan yang cemerlang. Justeru terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada pencapaian yang cemerlang. Interpretasi juga boleh dirumuskan melalui Jadual 5.

REFERENCES

- Abdul Rahim M. Ali. (1991). *Personaliti dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid-Murid Sekolah Rendah Luar Bandar*. Laporan Penyelidikan M.Ed. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anthony, W. S. (1977). The development of extraversion and ability: An analysis of Rushton' longitudinal data. *British Journal Educational Psychology*, 47, 193–196.
- Dunn R, Dunn, K dan Perrin, J. (1989). Survey of research on learning styles. *Educational Leadership*, 19 (March), 50–58.
- Che Mah Yusof dan Mariani Mohd Nor. (2001). *Personaliti pelajar pintar dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Prosiding konferensi kebangsaan Kajian Pasca Siswazah (Geduc.), Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Elliot. (1972). Personality and academic Attainment, *British Journal Of Academic Attainment*, *British Journal Of Educational Psychology*, 42, 137.
- Eysenck H. J dan Cookson, D. (1961). Personality in primary school children, ability and achievement. *British Journal of Educational Psychology*, 39, 109–122.

- Eysenck, H. J. (1965). A new scale for personality measurement in children. *British Journal of Educational Psychology*, 35, 362–367.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Perkaitan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga di kalangan pelajar MRSM*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Kay-Sandra-I. (2001). A talent profile for facilitating talent development in school. *Gifted-Child-Quarterly*, 45(1), 45–53.
- Mehryer dan Hosseini, A. 1973. Some personality correlates of intelligence and educational attainment in Iran. *British Journal of Education Psychology*, 42, 8–16.
- Mischel, W. (1999). *Introductory to personality* (6th ed). Florida: Harcourt Brace College Pub.
- Nik Azis Nik Pa. (1999). Mitos dan realiti tentang pelajar pintar cerdas. *Jurnal Kebajikan*, 16(2), 87–112, Disember 1994.
- Noran Fauziah Yaakub. (1988). *The relationship between personality traits, motives for teaching and teaching trainees attitudes toward teaching*. Doctoral Thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Orpen, C. 1976. *The relationship between personality traits, motives for teaching and teaching trainees attitudes toward teaching*. Doctoral Thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Riding, R.J dan Pearson, F. 1994. The relationship between cognitive style and intelligence. *Educational Psychology*, 14(4), 413–424.
- Terman, Lewis M. (1930). *Genetic studies of genius: Mental and physical traits of a thousand gifted children (Vol 1)*. Stanford, CA: Standford University Press.
- Williams, R. 1992. Personality characteristics of gifted and talented as measured by the "Myers-Briggs Type Indicator" and the "Murphy-Meisgeir Type Indicator." Tesis Phd. East Texas State University, *Dissertation Abstracts International*, 53(3), 762a. (University Microfilm No Aac92-22511).